

01 MAY 2002

Mahathir-Puteri

DR MAHATHIR NASIHAT AZALINA JANGAN AMBIL TINDAKAN MAHKAMAH

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Othman Said tidak perlu mengambil tindakan undang-undang terhadap sebuah akhbar tabloid Melayu yang menuduhnya mempunyai hubungan sejenis, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Jika kita saman orang itu, mereka akan membuat bermacam-macam dakwaan (di mahkamah) dan ini akan tersiar di akhbar, dan akhirnya kita dapati dia tidak bersalah tetapi pada masa itu, dia sudah diperburukkan.

"Bukan senang hendak saman. Bermacam-macam perkara dilemparkan terhadap saya. Saya tahu apa mereka nak buat...mereka mahukan publisiti, memburukkan (saya) dan menggunakan berbagai-bagai perkara sama ada relevan atau tidak," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perhimpunan Hari Pekerja 2002 bagi anggota sektor awam di Intan di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata ini cuma helah yang boleh digunakan oleh seorang peguam yang cekap untuk menggunakan mahkamah bagi kepentingan politik seseorang.

"Tujuannya ialah tujuan politik pasal dia nampak sikit orang ini naik, terus dia dituduh. Ini bukan sekadar tuduhan tetapi satu usaha mencemarkan seseorang, dengan anggapan orang (yang buat tuduhan itu) selamat kerana dapat berselindung di sebalik mahkamah," katanya.

Oleh kerana sebab-sebab itu, Azalina tidak perlu mengambil tindakan mahkamah terhadap surat khabar itu, kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas laporan oleh akhbar itu dua minggu lepas kononnya Ketua Puteri Umno itu mempunyai hubungan sejenis dengan seorang pegawai pergerakan itu.

"Tak usah ambil tindakan mahkamah. Saya pun tak nak mengambil tindakan undang-undang. Macam-macam tuduhan kata anak saya ada 90 buah syarikat, dapat gaji tiap-tiap bulan RM900,000. Dia jadi pengarah (syarikat) tak dapat satu sen pun, dia kena belanja duit dia tetapi dia tak mahu saman kerana katanya dia tak kisah dengan mereka itu," katanya.

Dr Mahathir berkata orang yang menerbitkan surat khabar seperti ini adalah orang yang bankrap, yang tak ada kerja lain melainkan mencari publisiti murahan.

"Kalau orang itu dibawa ke mahkamah bila disaman malu, maka ada cara-cara memburukkan orang itu lagi. Saya berpendapat orang semacam ini tidak layak sama sekali diberi lesen untuk mengeluarkan surat khabar," katanya.

Ditanya mengenai demonstrasi jalanan yang dilakukan oleh sekumpulan anggota pertubuhan bukan kerajaan dari Jalan Tuanku Abdul Rahman ke Menara Kuala Lumpur pagi tadi, beliau berkata demonstrasi bukannya cara untuk menyelesaikan masalah.

"Ini bukan cara penyelesaian. Kita beri pertimbangan, tetapi janganlah harapkan bahawa semua yang kita minta, kita akan dapat," katanya.

-- BERNAMA

SR HS MAI